

Wajib daftar ialah kenderaan berbentuk van yang digunakan seolah-olah sebagai bas sekolah

Kenderaan ibu bapa tak terlibat

PUTRAJAYA : Cadangan Kementerian Pengangkutan untuk mewajibkan pendaftaran kenderaan persendirian yang digunakan sebagai bas sekolah, tidak melibatkan kenderaan ibu bapa yang menghantar anak mereka ke sekolah. Menteri Pengangkutan, Anthony Loke yang mengulas salah faham ibu bapa mengenai cadangan itu berkata, langkah itu bertujuan mengawal selia kenderaan persendirian terutama van digunakan sebagai bas sekolah, yang selama ini tidak tertakluk kepada undang-undang.

“Untuk ibu bapa yang hantar anak sendiri ke sekolah dan kadang-kadang anak tumpang kereta jiran, tiada keperluan untuk daftar.” Yang kita maksudkan adalah kenderaan berbentuk van, khususnya yang boleh membawa 15 sehingga 20 murid yang sekarang ini mereka tidak berdaftar, tetapi digunakan seolah-olah sebagai bas sekolah,” katanya pada sidang media selepas perhimpunan bulanan kementerian di sini, semalam. Menurutnya, pendekatan yang diambil bagi melaksanakan cadangan itu sama dengan pendedahan akan digunakan untuk perkhidmatan e-hailing, namun mekanisme pelaksanaannya masih perlu diperhalusi. Katanya, langkah mendaftarkan kenderaan persendirian tersebut adalah bagi memberi ruang kepada mereka untuk beroperasi secara sah dari segi undang-undang.

“Kita akan bincang dengan pihak Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD) mengenai bagaimana kita hendak melaksanakan perubahan ini.” Cadangan ini diutarakan, susulan aduan dalam kalangan pengusaha bas sekolah mengenai aktiviti kenderaan persendirian terbabit yang memberi kesan kepada mereka,” katanya. Kelmarin, Anthony dilaporkan berkata, Kementerian Pengangkutan akan melaksanakan program pemutihan terhadap pengusaha bas sekolah mempunyai permit sah, selain memastikan pelajar sekolah yang menggunakan perkhidmatan mereka dilindungi insurans. – Bernama

SUMBER: SINAR HARIAN | M/S: 13 | 5 DISEMBER 2018